

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1993/1994

Oktober/November 1993

BST 423 - PENGURUSAN PERSEKITARAN

Masa: [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

(BST 423/3)

1. Apakah kesan-kesan alam sekitar yang disebabkan oleh pembangunan pertanian secara meluas di Malaysia? Dengan menggunakan tanaman getah dan kelapa sawit sebagai contoh, huraikan bagaimana masalah-masalah alam sekitar itu diuruskan.

(20 markah)

2. Tuliskan nota-nota ringkas mengenai setiap topik berikut:-

- (a) Ekopembangunan
- (b) Akta Kualiti Alam Sekitar 1974
- (c) Pengelasan Kesanggupan Tanah

(20 markah)

3. Apakah objektif-objektif bagi Dasar Alam Sekitar Malaysia? Apakah strategi-strategi yang diambil oleh kerajaan Malaysia untuk mencapai objektif-objektif itu?

(20 markah)

4. Dengan peningkatan perkembangan bandar di Malaysia, masalah yang menjadi semakin serius ialah pembuangan bahan-bahan buangan pepejal di kawasan bandar. Pada masa sekarang, bagaimanakah pembuangan bahan pepejal diuruskan? Apakah cara-cara pengurusan yang mungkin akan digunakan di masa hadapan?

(20 markah)

.../3-

(BST 423/3)

5. Huraikan proses-proses pengolahan primer dan pengolahan sekunder untuk air buangan rumahtangga. Apakah perbezaan-perbezaan utama di antara kaedah pengolahan primer dan kaedah pengolahan sekunder bagi kumbahan? Apakah kesan-kesan dalam sekitar dan kesihatan yang disebabkan oleh pelepasan keluar kumbahan tanpa pengolahan ke dalam sungai dan laut di persisiran pantai?

(20 markah)

6. Huraikan ciri-ciri utama proses penaksiran kesan kepada alam sekitar (EIA) yang diamalkan di Malaysia. Apakah kekuatan dan kelemahan proses EIA dari segi perancangan dan pengurusan alam sekitar?

(20 markah)

-0000000-